
KOMUNIKASI KELUARGA DAN PENGURUSAN KONFLIK: DARI PERSEPEKTIF REMAJA MELAYU

Aziyah Abu Bakar

Kolej Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur
Aziyahphd137@gmail.com

ABSTRACT

FAMILY COMMUNICATION AND CONFLICT MANAGEMENT: FROM THE PERSPECTIVE OF MALAY YOUTH

Conflict management and family communication patterns are influenced by culture and tradition, suggesting that differences may exist between different cultures. Many studies have been done on conflict management and family communication patterns in Western families, as well as in Chinese families. This study aims to examine conflict management strategies and family communication patterns among Malaysian East Coast Malay adolescents, from an Interaction Theory approach. 360 survey questionnaires were distributed to Malay adolescents in urban areas in states located in the East Coast of the Peninsular Malaysia. Results indicate high conformity and low conversation characterize family communication amongst respondents. This study also found that majority of the adolescents surveyed use avoidance and collaborating strategies rather than a dominating strategy during conflicts with their parents. This study shows that conflict strategies practiced by adolescents have the potential to maintain harmony in parent-child relationships.

Keywords: *Avoidance Strategy, Collaborating Strategy, Dominating Strategy, Family Communication Pattern, adolescence*

PENGENALAN

Kepatuhan anak-anak terhadap ibu bapa sangat dipandang tinggi oleh masyarakat terutama dalam masyarakat Melayu. Kepatuhan anak-anak dapat mewujudkan rasa gembira dan bahagia dalam keluarga. Ini adalah kerana anak-anak yang patuh diklasifikasikan sebagai anak yang beradab, bersopan, beragama dan berakhhlak tinggi. Walaubagaimanapun, faktor

yang menjadi pendorong ke arah remaja menjadi anak yang patuh adalah apabila remaja berasa bahagia hidup bersama keluarga mereka (Aziyah, 2008).

Kebahagian dalam hidup remaja akan membantu remaja menghindari diri dari terlibat dengan pelbagai masalah tingkah laku sosial. Dalam konteks ini, komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan hubungan yang harmoni dan gembira antara remaja dengan ibu bapa. Situasi komunikasi yang harmoni dan gembira akan membantu perkembangan diri remaja (Crespi & Sabatelli 2002). Menurut Koerner dan Fitzpatrick (2002), pola komunikasi keluarga boleh memberi pengaruh yang berbeza terhadap tingkah laku dan psikologi remaja. Misalnya, pola komunikasi ibu bapa yang berbentuk keakuran iaitu tegas dan mengawal mungkin akan mewujudkan anak-anak yang sentiasa dalam kesunyian. Manakala, pola komunikasi ibu bapa yang berbentuk perbualan iaitu banyak memberi kata-kata sokongan kepada anak-anak akan mewujudkan anak-anak yang gembira terhadap diri, keluarga dan persekitarannya.

Walaupun banyak sarjana daripada pelbagai disiplin ilmu misalnya, psikologi mendapati pola komunikasi keluarga banyak menimbulkan konflik dalam hubungan remaja dengan ibu bapa (Koerner & Cvancara 2002; Crespi & Sabatelli 2002). Namun demikian, remaja tidak menganggap konflik yang wujud disebabkan oleh pola komunikasi keluarga sebagai menyusahkan. Sebaliknya, bagaimana mereka dapat ‘mengurus’ konflik tersebut yang akan menentukan kepuasan diri mereka terhadap hubungan mereka dengan ibu bapa (Noller et al., 2006). Oleh itu, cara mengurus konflik yang sesuai diperlukan untuk mengoptimumkan pencapaian matlamat remaja kerana strategi konflik yang diguna boleh memberi kesan kepada fungsi dan kesejahteraan diri remaja (Comstock & Strzyzewski 1990; Ting-Toomey et al. 2000). Menariknya, nilai, fahaman, pegangan dan budaya dalam sesuatu keluarga tersebut turut mempengaruhi cara pengurusan konflik dalam kalangan mereka (Riesch, Henriques, & Chanchong 2003). Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengupas strategi konflik dalam kalangan remaja Melayu bandar di negeri-negeri di Pantai Timur sahaja.

OBJEKTIF

Beberapa strategi konflik iaitu strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang digunakan sebagai cara mengurus konflik oleh remaja dengan ibu bapa mereka.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah:

- Mengenal pasti pola komunikasi keluarga di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
- Mengenal pasti strategi konflik dalam kalangan remaja di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.
- Mengenal pasti perkaitan pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

HIPOTESIS

Kajian ini membentangkan enam hipotesis untuk diuji bagi mencapai objektif kajian iaitu:

- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi mengelak remaja dengan orientasi perbualan.
- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi mengelak remaja dengan orientasi keakuran.

- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi bekerjasama remaja dengan orientasi perbualan.
- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi bekerjasama remaja dengan orientasi keakuran.
- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi menyerang remaja dengan orientasi perbualan.
- Terdapat hubungan yang signifikan antara strategi menyerang remaja dengan orientasi keakuran.

HIPOTESIS

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk ‘cross-sectional’ yang bermaksud data dikumpulkan sekali sahaja dalam satu tempoh masa (Gall, Gall, & Borg 2003); dan borang soal selidik diedarkan kepada responden bagi tujuan pengumpulan data. Seramai 360 responden terdiri daripada remaja Melayu bandar iaitu dari bandar Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu telah dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan berstrata dengan sampel dipilih secara berasingan iaitu mempunyai subsampel jantina yang berbeza. Kemudian kaedah pensampelan sistematik digunakan untuk memilih sampel dalam setiap subsampel. Data yang diperolehi daripada responden kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science 16.0 dengan menumpukan kepada statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, purata dan sisisian piawai serta statistik inferensi korelasi Pearson.

TINJAUAN LITERATUR

Pola Komunikasi Keluarga

Model pola komunikasi keluarga telah dikembangkan oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990) dengan mencipta Revised Family Communication Patterns (RFCP). Pola komunikasi keluarga terdiri daripada dua dimensi iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Orientasi perbualan adalah keadaan di mana keluarga membentuk suasana yang menggalakkan semua ahli keluarga untuk menyertai interaksi secara bebas dalam pelbagai topik dan isu. Manakala orientasi keakuran berlaku bila mana keadaan keluarga membentuk suasana yang menekankan homogen berkaitan sikap, nilai dan kepercayaan (Fitzpatrick & Ritchie 1994; McLeod & Chaffee 1972; Ritchie & Fitzpatrick 1990; Koerner & Fitzpatrick 1997).

Dari perpespektif budaya keluarga Barat, ibu bapa Barat menekankan komunikasi berorientasikan perbualan berbanding berorientasikan keakuran. Remaja Barat lebih mudah menyuarakan pandangan dan idea mereka kepada ibu bapa. Bagi ibu bapa, anak-anak perlu diberi hak dalam menentukan keputusan berkaitan hidup sendiri. Bagi remaja pula, mereka berhak memilih kehidupan yang mereka ingini tanpa perlu merujuk kepada ibu bapa.

Dari perspektif budaya dalam keluarga Asia misalnya budaya Cina (Siu Man 2004; Ann Yu Lung 1999), India (Arora 2008), dan Melayu (Narimah 2008; Aziyah 2008) keakuran dalam mendidik anak-anak lebih ditekankan. Dapatkan kajian mendapati komunikasi berorientasikan keakuran yang ditekankan oleh ibu bapa adalah untuk mendisiplinkan anak-anak. Di pihak remaja pula, menyatakan kepatuhan kepada ibu bapa adalah penting kerana ia dituntut oleh budaya yang menjadi amalan keluarga disamping dapat mengekalkan keharmonian dalam keluarga. Bagi remaja Melayu, kepatuhan kepada ibu bapa bukanlah semata-mata kerana untuk menjaga keharmonian dalam keluarga tetapi juga dikaitkan dengan akhlak

dan agama. Remaja berakhhlak dan berpegang teguh dengan agama akan patuh dengan peraturan yang disediakan oleh ibu bapa kerana ajaran Islam menyatakan, janganlah kamu menyatakan “ah” sekali pun kepada ibu bapa kerana ia adalah dosa dan dianggap derhaka (Al Ankabut: ayat 8).

Strategi Konflik

Strategi konflik adalah ‘alat’ untuk mengurus konflik. Menurut Reis (2005), individu tidak akan menggunakan hanya satu gaya strategi konflik sahaja, kerana strategi konflik bukan bentuk tingkah laku yang statik tetapi dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti situasi, hubungan, keluarga dan budaya yang dipegang oleh sesuatu keluarga tersebut. Beliau juga mendapati pemilihan strategi konflik turut dipengaruhi oleh adab atau tingkah laku yang diperoleh atau dipelajari daripada proses sosialisasi daripada keluarga dan orientasi bentuk sesuatu keluarga itu sendiri.

Sehubungan itu, tiga dimensi strategi konflik iaitu strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang diaplikasikan sebagai pembolehubah dalam kajian ini yang sebelum ini telah diguna pakai oleh Comstock dan Strzyzewski (1990) dalam kajian mereka mengenai pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik semasa penontonan televisyen dalam kalangan adik beradik.

Strategi konflik yang terdiri dari strategi konflik mengelak adalah keadaan bila mana individu dengan pasangan (remaja dengan ibu bapa) akan mengelak dari berbicara secara terbuka (Berens 2000). Berdasarkan pandangan ini, Berens yang memetik daripada Sillars (1986) mendapati bahawa strategi mengelak merangkumi memandang remeh akan sesuatu perkara dan juga merubah topik mengenai sesuatu perkara agar tidak terus dibincangkan untuk mengelak dari berlaku sebarang konflik. Berens turut menjelaskan bahawa strategi konflik mengelak dinyatakan juga sebagai bersikap patuh, bersetuju tanpa syarat, menyerah, dan mencuba untuk menamatkan perbincangan.

Sementara, strategi konflik bekerjasama adalah tindak balas terhadap konflik di dalam keluarga yang mana komunikasi secara aktif dan positif digunakan sebagai strategi mengurus konflik dengan pihak yang terlibat (Berens 2000). Dalam kajian ini, pihak yang terlibat adalah remaja dan ibu bapa. Manakala strategi konflik menyerang adalah bila mana komunikasi yang dilontarkan dengan cara marah atau menentang orang lain atau dengan siapa yang mereka berkonflik (Berens 2000).

Pola Komunikasi Keluarga dan Strategi Konflik

Banyak konflik timbul dalam keluarga disebabkan oleh pola komunikasi keluarga terutama dalam hubungan remaja dengan ibu bapa (Ballard-Reisch & Weigel 2006; Zhang 2005). Perkaitan pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik dapat dilihat dari beberapa perspektif.

Dalam perspektif budaya Barat, konflik antara remaja dengan ibu bapa memberi kesan yang positif dalam hubungan remaja dengan ibu bapa (Allison 2000). Remaja Barat banyak menggunakan strategi menyerang bagi membantah peraturan dan tindakan ibu bapa ke atas diri mereka dan ia tidak dianggap sebagai satu kesalahan kerana hal demikian dianggap bahawa remaja wajar atau ada hak untuk membantah. Di pihak ibu bapa pula, strategi menyerang oleh remaja membawa erti bahawa mereka perlu memberi kerjasama atau terbuka terhadap pandangan anak-anak. Banyak kajian yang melibatkan remaja daripada keluarga Barat berkait

secara positif dengan strategi menyerang (Siu Man 2004; Dumiao & Botta 2000; Ting-Toomey et al. 2000).

Dumiao dan Botta (2000) menyatakan bahawa pola komunikasi berorientasikan perbualan berkait secara positif dengan remaja Barat. Ciri-ciri orientasi perbualan iaitu boleh menyatakan idea dan pandangan secara dua hala yang mendorong remaja Barat menggunakan strategi menyerang lebih tinggi berbanding strategi konflik yang lain seperti strategi mengelak dan strategi bekerjasama semasa situasi konflik dengan ibu bapa berlaku. Ini adalah kerana orientasi perbualan memberi peluang yang luas kepada anak-anak untuk menyatakan pandangan dalam pelbagai isu dan idea. Maka, tidak hairanlah sekiranya ada peraturan ibu bapa yang tidak sesuai bagi remaja, mereka akan membantah secara terang-terangan.

Manakala dalam perspektif budaya Cina, perkaitan strategi konflik dengan pola komunikasi keluarga dikaitkan dengan beberapa aspek. Misalnya, konflik dikaitkan dengan budaya konteks tinggi dan ‘collectivistic’ (Zhang 2007). Menurut Hall (1976) yang banyak mengkaji tentang budaya Cina tradisional, mendapati aspek falsafah Confucianism amat kuat pengaruhnya ke atas pola komunikasi dan strategi konflik yang digunakan oleh orang Cina. Misalnya, gagasan atau idea Confucian iaitu *hexie* (harmoni) dan *mianzi* (muka) adalah antara faktor utama menentukan pola komunikasi dan strategi konflik keluarga dalam keluarga Cina (Oetzel et al. 2006; Ting-Toomey et al. 2000).

Zhang et al. (2005) menyatakan bahawa menjaga hubungan dalam keluarga amat penting. Oleh yang demikian, walaupun budaya Cina telah mengalami perubahan akibat perkembangan globalisasi, namun menjaga keharmonian dalam keluarga akan terus dipegang sebagai nilai budaya yang perlu dijunjung, khususnya kepada generasi muda. Oleh itu, adalah penting bagi mengekalkan keharmonian dalam hubungan keluarga, di mana individu patut berkomunikasi dalam cara yang dapat membantu memelihara dan mengekalkan hubungan harmoni di samping dapat mengelak daripada terjadinya konflik (Chen 2002).

Konsisten dengan pandangan tersebut, Zhang (2007) menyatakan fungsi utama komunikasi adalah bagi menjaga hubungan sosial yang dijalankan. Adalah amat penting bagi setiap ahli dalam keluarga bersama-sama dapat berfikir, berasa, saling percaya dan berusaha, apa sepatutnya yang penting buat keluarga berdasarkan apa yang dituntut oleh budayanya.

Oleh yang demikian didapati beberapa kajian yang berkaitan pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik remaja dalam kalangan keluarga Cina Amerika berkait secara positif dengan keharmonian hubungan antara remaja dengan ibu bapa (Lin & Fu 1990; Huang 1994; Ann Yu Lung 1999; dan Choa 2000). Misalnya, keluarga Cina Amerika didapati cenderung menekankan pola komunikasi berorientasikan keakuran yang bercirikan ketegasan dan mengawal. Bagi ibu bapa Cina adalah penting untuk tegas dan mengawal agar anak-anak berdisiplin. Sebagaimana dinyatakan oleh ibu bapa Cina Amerika, “Tidak ada kritikan dan ancaman, tidak ada pencapaian” (Ann Yun Lung, 1999). Penyataan daripada ibu bapa Cina Amerika ini membayangkan bahawa tanggungjawab ibu bapa adalah untuk memberi tindakan seperti mengawal, menghukum dan memotivasi anak-anak yang mana akhirnya anak-anak akan menjadi individu yang berjaya dalam masyarakat. Manakala tanggungjawab anak-anak untuk mematuhi peraturan yang telah disediakan oleh keluarga demi menjaga hubungan dan maruah keluarga. Ann Yun Lung (1999) dan Siu Man (2002) mendapati kebanyakan remaja Cina banyak menggunakan strategi mengelak dan strategi bekerjasama dengan ibu bapa mereka. Hal demikian dapat dikaitkan dengan kenyataan remaja Cina bahawa kegagalan mereka akan menyebabkan keluarga akan dipandang rendah dan jika mereka mencapai pencapaian yang

tinggi, keluarga mereka akan dipandang tinggi (Siu Man, 2002).

Dalam perspektif keluarga Melayu, agama Islam dijadikan panduan dalam mendidik anak-anak. Misalnya, ibu bapa disarankan mewujudkan komunikasi yang mesra dan tegas dalam mendidik dan membina akhlak anak-anak. Begitu juga di pihak anak-anak perlu berkomunikasi dengan baik dan sopan kepada ibu bapa bagi melahirkan rasa kasih sayang dan hormat terhadap ibu bapa. Oleh yang demikian dapat digambarkan bahawa remaja Melayu banyak menggunakan strategi mengelak dan strategi bekerjasama semasa situasi konflik dengan ibu bapa.

Teori Pendekatan Interaksi

Teori Pendekatan Interaksi yang dikemukakan oleh Paul Watzlawick pada tahun 1967 menjelaskan bahawa pola komunikasi keluarga dan strategi konflik amat penting dalam proses sosialisasi. Bagi menjelaskan hubungan pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik, aksiom keempat dalam Teori Pendekatan Interaksi menjelaskan bahawa keadaan hubungan remaja dengan ibu bapa adalah bergantung bagaimana setiap pihak menandakan rangkaian komunikasi mereka. Individu-individu tersebut melihat perkara yang sama dengan cara yang berbeza.

Berdasarkan pandangan teori tersebut, banyak kajian yang berkaitan dengan pola komunikasi dengan strategi konflik berkait secara signifikan dengan kelemahan dari segi pembangunan psikologikal, tingkah laku sosial dan pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak (Strage & Brandt 1999; Jones, Beach & Forehand 2001). Misalnya, dalam kalangan remaja Barat, pola komunikasi berorientasikan keakuratan tidak dapat membina dan membentuk hubungan dalam keluarga. Sebaliknya, remaja daripada keluarga Asia, misalnya kajian ke atas keluarga Cina Amerika lebih banyak menggunakan strategi mengelak dan bekerjasama dan menerima komunikasi berorientasikan keakuratan ibu bapa sebagai unsur didikan, pemantauan dan kawalan daripada ibu bapa demi kebaikan diri mereka pada masa hadapan. Oleh kerana remaja dan ibu bapa dapat menandakan rangkaian komunikasi mereka dengan cara yang sama, maka persamaan dan persefahaman dalam hubungan mereka dengan ibu bapa dapat diwujudkan. Ini akan membantu remaja mempunyai kepuasan diri yang tinggi dalam mencapai kejayaan dalam hidup mereka di masa hadapan (Oetzel et al. 2003).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pola komunikasi keluarga

Pola komunikasi keluarga berorientasi perbualan dan berorientasi keakuratan diukur dengan mengadaptasikan pengukuran Revise Family Communication Pattern (RFCP) oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990). Pola komunikasi keluarga berorientasikan perbualan dibahagikan kepada dua kategori iaitu rendah (markah dari 15 hingga 38) dan tinggi (markah dari 39 hingga 60) mendapati pola komunikasi keluarga responden kajian ini adalah berorientasikan perbualan rendah sebanyak 60.8% dan berorientasikan perbualan tinggi sebanyak 39.2% (Jadual 1). Keputusan kajian ini selari dengan Muslim dan Zainuddin (2006) yang mendapati orientasi perbualan rendah bercirikan ibu bapa bersikap tegas dengan anak-anak. Ibu bapa bersikap tegas adalah untuk mendisiplinkan anak-anak agar menjadi anak yang baik dan berguna pada masa hadapan.

Jadual 1 : Pola komunikasi perbualan mengikut kategori (n=360) E

Dimensi pola komunikasi keluarga	Kekerapan	Peratus
Orientasi perbualan		
Rendah (15 –328)	219	60.8
Tinggi (39 – 60)	141	39.2
Min = 36.4		
SP = 7.84		

Jadual 2 memaparkan taburan responden mengikut pola komunikasi berorientasikan perbualan. Berdasarkan keputusan kajian jumlah skor yang diberikan untuk setiap item, nilai skor tertinggi (Min=3.06, SP=0.94) adalah pada kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata begini, sepatutnya awak mesti melihat kebaikan dan keburukan sesuatu isu”. Di sini dapat dilihat mungkin ibu bapa menanamkan satu nilai ke dalam diri anak-anak agar anak-anak boleh bersifat fleksibel, tidak tergesa-gesa dan boleh berlaku adil dalam membuat sesuatu keputusan penting di masa hadapan. Cara begini dapat mengeratkan hubungan ibu bapa dan anak kerana setiap permasalahan akan ditangani secara positif bersama. Dapatkan untuk kenyataan “Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa hadapan” menunjukkan skor yang diperolehi ialah Min=2.82, SP=0.95. Ini menunjukkan mungkin ibu bapa mengambil berat mengenai masa depan anak-anak mereka. Cara begini dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan anak kerana segala permasalahan yang akan timbul dapat dikongsi bersama. Ini diikuti dengan kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata, setiap orang mesti mempunyai pandangan dalam membuat keputusan keluarga” (Min=2.72, SP=0.96). Di sini dapat dilihat mungkin ibu bapa bersikap terbuka dalam menerima pandangan dan nasihat dari anak-anak. Tidak semestinya anak-anak yang lebih muda daripada ibu bapa memperkatakan hal yang tidak benar.

Nilai skor yang terendah (Min=1.89, SP=0.92) ialah pada kenyataan “Dalam keluarga, kami selalu berbicara pasal politik atau agama di mana di antara kami mempunyai pendapat yang berbeza”. Ini mungkin menunjukkan bahawa ibu bapa tidak suka akan pandangan berbeza di antara mereka dengan anak-anak dari segi politik atau agama. Ibu bapa kadangkala mempunyai prinsip atau falsafah mengenai sesuatu fahaman politik mereka di mana mereka mahu falsafah tersebut menjadi nilai yang turut dituruti oleh anak-anak mereka.

Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan Narimah et al. (2008) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang berorientasikan perbualan rendah kurang mesra dengan anak-anak. Sebaliknya, keluarga yang berorientasikan perbualan tinggi akan lebih mesra dengan anak-anak di mana ibu bapa akan meluangkan masa untuk melakukan aktiviti bersama-sama dengan anak-anak mereka.

Jadual 2: Taburan responden mengikut pola komunikasi orientasi perbualan (n=360)

Item	Skor					Min	Sp
	1	2	3	4			
1. Ibu saya selalu berkata "awak mesti melihat kebaikan dan keburukan sesuatu isu".	8.3	15.8	37.2	38.6	3.06	0.94	
2. Dalam keluarga, kami selalu ber-cakap tentang perancangan dan harapan masa depan.	10.3	24.2	37.5	28.1	2.82	0.95	
3. Ibu bapa saya selalu berkata "setiap orang mesti mempunyai pandangan dalam membuat keputusan keluarga".	13.1	25.3	38.6	23.1	2.72	0.96	
4. Ibu bapa akan bertanya pendapat saya apabila kami sedang membincangkan sesuatu.	13.6	29.9	38.6	20.8	2.67	0.96	
5. Saya seronok berbicara dengan ibu bapa, walaupun kami tidak bersetuju tentang sesuatu perkara	13.9	29.2	35.3	21.7	2.65	0.97	
6. Ibu bapa dan saya mempunyai masa yang panjang dan santai untuk berborak.	17.2	29.4	34.4	18.8	2.50	0.98	
7. Kami berbincang sebagai sebuah keluarga tentang apa yang kami buat sepanjang hari.	22.8	24.2	36.7	16.4	2.47	1.02	
8. Saya selalu memberitahu ibu bapa apa yang saya fikir tentang sesuatu perkara.	26.4	25.2	29.4	18.3	2.40	1.06	
9. Ibu bapa saya suka mendengar pandangan saya walaupun saya tidak begitu setuju dengan pandangan mereka.	24.2	31.1	29.2	15.6	2.36	1.01	
10. Ibu bapa menggalakkan saya meluahkan perasaan.	26.4	28.3	28.9	16.4	2.35	1.04	
11. Saya boleh memberitahu ibu bapa saya tentang semua perkara.	32.5	29.4	31.7	16.4	2.22	1.07	
12. Ibu bapa saya cenderung untuk terbuka tentang emosi mereka.	32.5	31.9	25.6	10.0	2.13	0.98	
13. Dalam keluarga kami, kami biasa ber-cakap tentang perasaan dan emosi kami.	33.6	33.6	21.9	10.8	2.10	0.99	
14. Ibu bapa saya menggalakkan saya mencabar idea dan kepercayaan mereka.	39.2	26.7	21.7	12.5	2.08	1.05	

15. Dalam keluarga, kami selalu berbicara tentang perkara seperti politik dan agama walaupun terdapat ahli yang tidak bersetuju dengan pendapat ahli keluarga yang lain.

42.5 30.8 21.1 5.6 1.89 0.92

Pola komunikasi keluarga berorientasi keakuran dibahagikan kepada dua kategori iaitu rendah (markah dari 11 hingga 28) dan tinggi (markah dari 29 hingga 44) yang mendapati 52.8% keluarga responden banyak menggunakan pola komunikasi orientasi keakuran tinggi manakala hanya 47.2% berorientasikan keakuran rendah (Jadual 3). Keputusan kajian ini selari dengan Choa (2001) yang mendapati dalam kalangan ibu bapa Cina, orientasi keakuran tinggi diamalkan dalam keluarga adalah sebagai cara untuk mendisiplinkan anak-anak. Dapatan kajian Narimah et al. (2008), kebanyakan ibu bapa keluarga tani menekankan komunikasi berorientasikan keakuran semasa bercakap dengan anak-anak bertujuan untuk menegur di samping mengawal anak-anak. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan komunikasi ibu bapa adalah untuk mensosialisasi anak agar menjadi anggota keluarga dan masyarakat yang baik.

Jadual 3 : Pola komunikasi keakuran mengikut kategori (n=360)

Dimensi pola komunikasi keluarga	Kekerapan	Peratus
Orientasi keakuran		
Rendah (11 –28)	170	47.2
Tinggi (29 – 44)	190	52.8
Min = 28.8		
SP = 6.05		

Jadual 4 membentangkan taburan responden mengikut orientasi keakuran. Berdasarkan keputusan kajian jumlah skor yang diberikan untuk setiap item, nilai skor tertinggi adalah pada kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata begini, anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua” (Min=3.51, SP=0.86). Ini mungkin disebabkan sikap hormat terhadap orang yang lebih tua amat dititikberatkan dalam amalan kehidupan sehari-hari selagi ianya tidak bercanggah dengan agama dan peraturan. Seterusnya adalah kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata, awak akan lebih memahami apabila awak dewasa nanti” (Min=3.12, SP=0.90). Dalam konteks ini mungkin ibu bapa cuba membentuk anak-anak agar menerima pandangan atau keputusan ibu bapa berdasarkan pengalaman yang telah mereka lalui. Dari situ mereka akan lebih memahami apa yang sebenarnya berlaku. Diikuti dengan kenyataan “Apabila berada di rumah, saya diharapkan patuh kepada peraturan ibu bapa” (Min=2.97, SP=1.03). Ibu bapa cuba membentuk anak-anak agar menjadi seorang yang patuh dan tidak membantah sesuatu perkara yang telah diputuskan.

Nilai skor yang terendah (Min=2.03, SP=1.00) ialah pada kenyataan “Ibu bapa saya selalu berkata, idea saya betul dan awak tidak sepatutnya mempersoalkannya”. Bagi ibu bapa,

tiada sebab untuk menyanggah pandangan mereka sama ada ianya betul atau salah. Kajian oleh Koerner dan Fitzpatrick (2002) mendapati ibu bapa yang mengamalkan komunikasi berorientasikan keakuran tinggi akan membantutkan perkembangan komunikasi anak-anak mereka berbanding komunikasi berorientasikan keakuran rendah. Ini adalah kerana ibu bapa menghendaki anak-anak mematuhi keputusan ibu bapa tanpa mempersoalkannya (McLeod & Chaffee 1972).

Jadual 4: Taburan responden mengikut pola komunikasi orientasi keakuran (n=360)

Item	Skor					
	1	2	3	4	Min	Sp
1. Ibu bapa saya selalu berkata "anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua."	5.8	7.2	17.5	69.4	3.51	0.86
2. Ibu bapa saya selalu berkata "awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti."	6.4	16.7	36.7	40.3	3.12	0.90
3. Apabila berada di rumah, saya diharapkan patuh kepada peraturan ibu bapa.	10.8	21.7	26.9	48.6	2.97	1.03
4. Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyayal apabila melibatkan perkara penting	16.9	22.8	34.7	25.6	2.72	1.08
5. Dalam keluarga, ibu bapa selalu memberi kata putus tentang semua perkara.	23.9	30.3	27.2	18.6	2.68	1.03
6. Apabila ibu bapa saya tidak bersetuju tentang sesuatu, mereka tidak ingin mengetahui tentangnya.	35.3	28.3	23.1	13.3	2.63	1.02
7. Ibu bapa saya selalu berkata "ada sesetengah perkara yang kita tidak boleh bincangkannya."	19.4	28.1	31.4	21.1	2.54	1.03
8. Ibu bapa saya selalu berkata "awak tidak sepatutnya berhujah sehingga membuatkan orang marah."	19.4	18.3	33.3	28.9	2.54	1.03
9. Ibu bapa saya berasakan penting untuk menjadi ketua.	17.2	25.3	34.7	22.8	2.41	1.05
10. Ibu bapa saya kadang-kadang menjadi marah apabila pandangan saya berbeza daripada mereka.	40.6	27.8	20.6	11.1	2.14	1.05
11. Ibu bapa saya selalu berkata "idea saya betul dan awak tidak patut mempersoalkannya".	38.3	30.6	20.8	10.3	2.03	1.00

Strategi Konflik

Strategi konflik dalam kalangan remaja iaitu strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang diukur dengan mengadaptasikan pengukuran Dimensi Gaya Konflik (Conflict Style Dimension (CSD) oleh Ting-Toomey et al. (2000). Jadual 5 memaparkan taburan responden mengikut strategi mengelak. Berdasarkan keputusan kajian jumlah skor yang diberikan untuk setiap item, nilai skor tertinggi (Min=3.39, SP=0.79) adalah pada kenyataan "Saya cuba mengelak daripada bertengkar dengan ibu bapa". Ini menunjukkan mungkin remaja mengambil kira perasaan ibu bapa dan tidak kira dalam apa jua situasi yang dilalui. Cara begini dapat mengeratkan hubungan antara remaja dengan ibu bapa di samping mengekalkan rasa hormat yang tinggi terhadap ibu bapa.

Seterusnya kenyataan "Saya cuba untuk mengelak dari sebarang pertengkaran yang tidak diingini dengan ibu bapa saya" menunjukkan skor yang tinggi iaitu Min=3.37, SP=0.83. Di sini dapat dilihat mungkin remaja bersikap terbuka dalam menerima peraturan yang disediakan oleh ibu bapa. Tidak semestinya peraturan yang dibuat oleh ibu bapa akan menyusahkan diri remaja. Ini diikuti dengan kenyataan "Saya cuba untuk mengelakkan perselisihan faham dengan ibu bapa bagi mengelak terjadinya pergaduhan" (Min=3.24, SP=0.91). Di sini dapat dilihat mungkin remaja menanamkan satu nilai ke dalam diri mereka agar mereka boleh bersifat fleksibel, tidak tergesa-gesa dan boleh membuat sesuatu keputusan penting di masa depan. Cara begini dapat meningkatkan rasa hormat remaja terhadap ibu bapa kerana setiap permasalahan akan ditangani secara positif.

Nilai skor yang terendah (Min=2.48, SP=1.05) ialah pada kenyataan "Saya lebih suka mendiamkan diri dari memberi respon". Ini menunjukkan bahawa mungkin remaja lebih suka menjaga hati ibu bapa dan tidak mahu ada pandangan berbeza di antara mereka. Ibu bapa kadangkala mempunyai pandangan mereka sendiri tentang kehidupan berdasarkan pengalaman hidup mereka. Jadi sebagai anak, walaupun terdapat beberapa pengalaman ibu bapa yang tidak relevan untuk diamalkan pada masa kini tetapi kemungkinan boleh diguna dan dianggap sebagai panduan yang boleh diubah suai dengan kehidupan hari ini.

Dapatkan kajian yang diperolehi ini selari dengan Dumlaau dan Botta (2000) yang menyatakan strategi mengelak yang tinggi oleh remaja adalah untuk menamatkan perbalahan dengan ibu bapa kerana tidak mahu berbincang mengenai isu, idea atau pandangan dengan ibu bapa selanjutnya atau di masa depan. Dengan kata lain, strategi mengelak tinggi responden adalah menunjukkan tanda protes terhadap ibu bapa. Dalam konteks budaya Malaysia, tatasusila budaya orang Melayu sekiranya seseorang anak tersebut menentang ibu bapa secara terang-terangan akan dianggap sebagai anak kurang ajar, derhaka dan sebagainya. Oleh yang demikian, strategi mengelak yang digunakan oleh responden kajian ini mungkin untuk menyembunyikan kedurjanaan dan kedurhakaan anak-anak terhadap ibu bapa.

Jadual 5: Taburan responden mengikut strategi mengelak (n=360)

Item	Skor					Min	Sp
	1	2	3	4			
1. Saya cuba mengelak daripada bertengkar dengan ibu bapa.	1.9	13.3	28.3	56.4	3.39	0.79	
2. Saya cuba untuk mengelak dari sebarang pertengkaran yang tidak diingini dengan ibu bapa saya.	3.9	11.4	28.3	56.4	3.37	0.83	

3.	Saya cuba untuk mengelak perselisihan faham dengan ibu bapa bagi mengelak terjadinya percaduhan.	6.1	14.2	29.2	50.6	3.24	0.91
4.	Saya lebih suka tenangkan hati berbanding bertengkar mengenai isu tersebut.	10.0	21.7	29.2	39.2	2.98	1.01
5.	Selalunya saya hanya mendiamkan diri dan membiarkan perkara itu selesai dengan sendirinya.	21.9	26.1	27.5	24.4	2.54	1.09
6.	Saya lebih suka mendiamkan diri daripada memberi respon	21.4	28.9	28.9	20.8	2.48	1.05

Keputusan kajian menunjukkan jumlah skor yang diberikan untuk setiap item, nilai skor tertinggi ($\text{Min}=2.91$, $\text{SP}=0.99$) adalah pada kenyataan "Saya berusaha menyelesaikan masalah kami melalui perbincangan yang baik". Di sini dapat dilihat remaja mungkin menanamkan satu nilai ke dalam diri mereka agar boleh bersikap fleksibel, tidak tergesa-gesa dan berlaku adil dalam membuat sesuatu keputusan penting. Cara begini dapat mengeratkan hubungan dan meningkatkan rasa hormat kepada ibu bapa-anak kerana setiap permasalahan boleh ditangani bersama secara positif. Seterusnya, kenyataan "Saya bersetuju dengan pandangan ibu bapa semasa membuat keputusan" dengan skor $\text{Min}=2.82$, $\text{SP}=0.94$ menunjukkan kemungkinan remaja sentiasa memberi sokongan kepada ibu bapa tidak kira dalam apa jua situasi. Cara begini dapat mengeratkan hubungan antara remaja dengan ibu bapa kerana ibu bapa akan berasa bahagia kerana segala permasalahan boleh dikongsi bersama. Ini diikuti dengan kenyataan "Saya bercakap secara jujur dan terbuka tentang sesuatu masalah" ($\text{Min}=2.74$, $\text{SP}=0.96$). Di sini dapat dilihat remaja bersikap terbuka dalam memberi pandangan kepada ibu bapa demi kebaikan bersama pada masa hadapan. Walaupun anak-anak lebih muda dari ibu bapa maka, tidak semestinya mereka tidak mempunyai idea yang bermas.

Nilai skor yang terendah ($\text{Min}=2.61$, $\text{SP}=1.01$) ialah pada kenyataan "Saya akan berjumpa dengan ibu bapa saya untuk memastikan sama ada kami boleh menyelesaikan masalah kami". Ini menunjukkan bahawa mungkin ibu bapa tidak suka ada pandangan berbeza di antara mereka dengan anak-anak. Kadang kala remaja menjadi bosan kerana ibu bapa tidak mahu bertolak ansur dan terbuka misalnya dengan kursus yang diminati oleh anak-anak.

Dapatkan kajian yang diperolehi ini selari dengan kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap keluarga Cina (Choa 2001, Siu Man 2002). Kebanyakan remaja menggunakan strategi bekerjasama tinggi dengan ibu bapa bagi menjaga keharmonian keluarga.

Jadual 6: Taburan responden mengikut strategi bekerjasama (n=360)

Item	Skor					
	1	2	3	4	Min	Sp
1. Saya berusaha untuk menyelesaikan masalah kami melalui perbincangan yang baik.	10.6	21.4	34.2	33.9	2.91	0.99
2. Saya akan bersetuju dengan pandangan ibu bapa semasa membuat keputusan.	9.7	25.8	37.2	27.2	2.82	0.94

3.	Saya akan bercakap secara terbuka dan jujur tentang sesuatu masalah.	10.6	29.7	34.2	25.6	2.74	0.96
4.	Saya menggunakan penyelesaian masalah dengan berbincang terus dengan ibu bapa.	11.4	28.6	37.8	22.2	2.71	0.94
5.	Saya cuba menyelesaikan masalah perbezaan pendapat kami melalui perbincangan terbuka.	15.6	24.2	39.7	20.6	2.65	0.98
6.	Saya akan berjumpa dengan ibu bapa saya untuk memastikan sama ada kami boleh menyelesaikan masalah kami.	17.5	25.8	35.0	21.9	2.61	1.01

Berdasarkan Jadual 7, keputusan kajian menunjukkan nilai skor tertinggi ($\text{Min}=2.68$, $\text{SP}=0.96$) adalah pada kenyataan "Saya akan gunakan kemahiran saya dalam menyelesaikan masalah". Di sini dapat dilihat mungkin remaja menanamkan satu nilai ke dalam diri mereka agar mereka boleh bersikap adil dan tegas dalam membuat sesuatu keputusan penting. Cara begini dapat menyedarkan ibu bapa agar setiap permasalahan boleh ditangani secara positif bersama. Seterusnya kenyataan "Saya akan cuba menggunakan kemahiran saya dalam menyelesaikan perbezaan dengan ibu bapa" ($\text{Min}=2.52$, $\text{SP}=0.93$). Ini menunjukkan mungkin remaja mengambil kira perasaan ibu bapa mereka dalam apa jua situasi. Cara begini masih dapat mengeratkan hubungan antara remaja dengan ibu bapa kerana setiap permasalahan dapat dikongsi bersama. Ini diikuti dengan kenyataan "Saya tegas dengan pendirian saya bila berdepan dengan konflik" ($\text{Min}=2.54$, $\text{SP}=0.97$). Di sini dapat dilihat mungkin ibu bapa bersedia bersikap terbuka dan bertolak ansur dalam menerima pandangan dan nasihat dari anak-anak. Tidak semestinya anak-anak lebih muda dari ibu bapa, maka segala yang diperkatakan tidak ada yang benar.

Nilai skor yang terendah ($\text{Min}=1.86$, $\text{SP}=1.00$) ialah pada kenyataan "Saya akan bertengkar dengan ibu bapa jika ia berkaitan dengan hal saya". Ini menunjukkan bahawa mungkin remaja tidak suka ada pandangan berbeza di antara mereka dengan ibu bapa terutama yang berkait dengan hal peribadi. Ibu bapa kadang kala mempunyai prinsip atau falsafah yang bercanggah dengan minat anak-anak mereka misalnya, berkaitan fesyen dan kawan.

Dapatan kajian yang diperolehi ini selari dengan banyak kajian lepas yang menunjukkan kebanyakan remaja Asia tidak cenderung untuk menggunakan strategi menyerang dengan ibu bapa (Ann Yu Lung 1999; Choa 2001; Siu Man 2002; Zhang 2007). Dalam konteks Malaysia, remaja yang menggunakan strategi menyerang terhadap ibu bapa akan dianggap anak derhaka. Ini adalah kerana strategi menyerang mempunyai elemen-elemen verbal yang cenderung untuk menjatuhkan kredibiliti ibu bapa. Maka itu, keputusan kajian ini telah menyokong banyak kajian ke atas keluarga yang melibatkan keluarga Asia.

Jadual 7: Taburan responden mengikut strategi menyerang (n=360)

Item	Skor					
	1	2	3	4	Min	Sp
1. Saya akan gunakan kemahiran saya untuk menyelesaikan masalah.	11.1	33.3	31.7	23.9	2.68	0.96
2. Saya akan cuba menggunakan kemahiran saya dalam menyelesaikan perbezaan dengan ibu bapa.	14.4	35.3	34.2	16.1	2.52	0.93
3. Saya tegas dengan pendirian saya apabila berdepan dengan konflik.	18.3	34.7	30.3	16.7	2.45	0.97
4. Saya akan pastikan matlamat saya tercapai sewaktu konflik berlaku.	25.3	31.4	26.9	16.4	2.34	1.03
5. Saya suka mempertahankan hak saya sebagai anak apabila bertengkar dengan ibu bapa.	36.1	24.7	23.6	15.6	2.19	1.09
6. Saya akan bertengkar dengan ibu bapa jika ia berkaitan dengan hal saya.	48.3	27.2	14.7	9.7	1.86	1.00

Sebanyak enam hipotesis telah dibentuk untuk menjelaskan perkaitan pola komunikasi keluarga dengan strategi konflik seperti berikut. Hasil analisis Hipotesis 1 menunjukkan nilai korelasi antara strategi mengelak remaja dengan orientasi perbualan ialah $r = 0.28$, dengan nilai signifikannya ialah $p = 0.000$. Nilai signifikan yang lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$) membawa erti hipotesis ini diterima. Kekuatan nilai korelasi antara strategi mengelak dengan orientasi perbualan ($r = 0.0-0.29$) adalah positif dan sangat lemah. Hasil keputusan menunjukkan orientasi perbualan menyumbang kepada penggunaan strategi mengelak oleh remaja. Semakin kerap ibu bapa menggunakan pola komunikasi berorientasikan perbualan, kekerapan remaja menggunakan strategi mengelak turut meningkat. Ia selari dengan kajian Zhang (2007) yang mendapati pertalian dalam keluarga amat penting. Oleh itu, fungsi utama komunikasi ialah menjaga hubungan sosial yang dijalankan.

Hasil analisis Hipotesis 2 menunjukkan bahawa nilai korelasi antara strategi bekerjasama dengan orientasi perbualan adalah $r = 0.59$ dengan nilai signifikannya ialah $p=0.000$. Nilai signifikan yang lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$) menunjukkan hipotesis ini diterima. Hasil kajian menunjukkan strategi bekerjasama berkait secara sederhana dan positif dengan orientasi perbualan ($r = 0.5-0.69$). Ini bermakna orientasi perbualan dapat menyumbang kepada strategi bekerjasama remaja. Kekerapan ibu bapa menggunakan orientasi perbualan, akan meningkatkan strategi bekerjasama oleh remaja. Ia selari dengan kajian Trubisky, Ting-Toomey, dan Lin (1991) yang mendapati remaja Cina Taiwan lebih banyak menggunakan strategi bekerjasama dengan ibu bapa mereka sewaktu konflik berlaku.

Hasil analisis Hipotesis 3 menunjukkan nilai korelasi antara strategi menyerang dengan orientasi perbualan adalah $r = 0.25$ dengan nilai signifikan $p=0.000$. Nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Ini bermakna hipotesis ini diterima. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang sangat lemah dan positif antara strategi menyerang dengan orientasi perbualan ($r=0.0-0.29$). Ini bermakna orientasi perbualan dapat menyumbang

kepada strategi menyerang oleh remaja. Semakin kerap ibu bapa menggunakan orientasi perbualan, semakin meningkat remaja menggunakan strategi menyerang. Ia selari dengan Koerner dan Fitzpatrick (1997) yang mendapati ahli keluarga akan berasa selesa kerana dapat menyuarakan sesuatu perkara yang mereka tidak berpuas hati bagi menyelesaikan konflik mereka.

Hasil analisis Hipotesis 4 menunjukkan nilai korelasi antara strategi mengelak dengan orientasi keakuran adalah $r = 0.344$ dengan nilai signifikan $p= 0.000$. Nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p< 0.05$). Ini bermakna hipotesis ini diterima. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang lemah dan positif antara strategi mengelak dengan orientasi keakuran ($r=0.3-0.49$). Ini bermakna orientasi keakuran menyumbang kepada strategi mengelak oleh remaja. Semakin kerap ibu bapa menggunakan orientasi keakuran, strategi mengelak remaja juga meningkat. Ia selari dengan Berens (2000) yang mendapati individu yang menggunakan strategi mengelak cenderung untuk tidak berkonfrantasi.

Hasil analisis Hipotesis 5 menunjukkan nilai korelasi antara strategi bekerjasama dengan orientasi keakuran adalah $r = 0.39$ dengan nilai signifikan $p= 0.000$. Nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p< 0.05$). Ini bermakna hipotesis ini diterima. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang lemah dan positif antara strategi bekerjasama dengan orientasi keakuran ($r=0.30-0.49$). Ini bermakna orientasi keakuran dapat menyumbang kepada strategi bekerjasama oleh remaja. Semakin kerap ibu bapa menggunakan orientasi keakuran, strategi bekerjasama diguna oleh remaja turut meningkat. Ia selaras dengan Zhang et al. (2005) yang menyatakan bahawa remaja lebih memilih menggunakan strategi bekerjasama dalam hubungan mereka dengan ibu bapa.

Hasil analisis Hipotesis 6 menunjukkan nilai korelasi antara strategi menyerang dengan orientasi keakuran adalah $r = 0.36$ dengan nilai signifikan $p= 0.000$. Nilai signifikan adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p< 0.05$). Ini bermakna hipotesis ini diterima. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang lemah dan positif antara strategi menyerang dengan orientasi keakuran ($r= 0.30-0.49$). Ini bermakna orientasi keakuran menyumbang strategi menyerang oleh remaja. Kekerapan ibu bapa menggunakan orientasi keakuran, strategi menyerang diguna remaja turut meningkat. Ia menyokong kajian Aziyah (2008) yang mendapati bahawa remaja berasa marah dengan pengawalan dan penguasaan ibu bapa ke atas diri mereka.

Secara keseluruhan hasil analisis kajian ini mendapati strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang dalam kalangan remaja berkait secara signifikan dan positif dengan orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Dapatan kajian ini konsisten dengan Aziyah (2008) yang menyatakan bahawa pola komunikasi keluarga banyak membawa sengketa dalam hubungan remaja dengan ibu bapa tidak kira remaja lelaki atau perempuan. Maka, remaja akan menggunakan strategi konflik dalam mengurus persengketaan tersebut. Ini menunjukkan semasa bersengketa dengan ibu bapa remaja akan menggunakan strategi konflik dalam menguruskan konflik mereka dengan ibu bapa. Kajian ini memberi implikasi kepada Teori Pendekatan Interaksi yang menerangkan strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang yang dikaitkan dengan pola komunikasi berorientasikan perbualan dan berorientasikan keakuran dapat membentuk persetujuan dan persefahaman adalah bergantung bagaimana setiap pihak menandakan rangkaian komunikasi mereka (Watzlawick et al. 1967). Sekiranya setiap pihak iaitu remaja dapat menerima peraturan yang disediakan ibu bapa sebagai satu cara mendidik agar anak-anak menjadi seorang yang bertanggungjawab dan berdisiplin maka, teori menjelaskan akan wujud keharmonian dan kebahagiaan dalam

hubungan remaja dengan ibu bapa atau hubungan ibu bapa dengan remaja. Ini menunjukkan aksiom keempat dalam Teori Pendekatan Interaksi dapat dikukuhkan dan aplikasinya harus diperluaskan lagi pada penyelidikan seterusnya.

RUMUSAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pola komunikasi keluarga kajian ini berorientasikan keakuran tinggi dan rendah orientasi perbualan. Ini menunjukkan pola komunikasi keluarga responden mementingkan ketegasan dalam mendidik anak-anak. Ketegasan dalam mendidik dapat mendisiplinkan diri anak-anak. Anak-anak yang berjaya adalah anak-anak yang mempunyai disiplin diri yang tinggi. Dapatkan juga menunjukkan kebanyakan remaja menggunakan strategi mengelak dan strategi bekerjasama lebih tinggi berbanding strategi menyerang dalam strategi konflik mereka. Ini menunjukkan bahawa responden kajian ini mementingkan kepatuhan yang tinggi dengan ibu bapa. Sikap patuh menunjukkan remaja tahu untuk menghormati ibu bapa dan juga orang di sekeliling mereka. Selain itu, pola komunikasi keluarga (orientasi perbualan dan orientasi keakuran) berkait secara positif dengan strategi konflik sama ada strategi mengelak, strategi bekerjasama, dan strategi menyerang remaja. Ini menunjukkan bahawa dengan menggunakan strategi konflik, remaja dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri dalam menangani masalah yang dihadapi terutama sewaktu situasi konflik dengan ibu bapa. Justeru kemesraan dalam keluarga dapat dikekalkan.

RUJUKAN

- Allison, B.A. (2000). Parent-adolescent conflict in early adolescence: Research and implication for middle school programs. *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, 18(2).
- Ann Yu Lung. (1999). *Parent-adolescent conflict and resolution in Chinese American and Caucasian Families*. Unpublished doctoral dissertation. University of California, Los Angeles.
- Alpa Arora, B. (2008). *Family dynamics & communication patterns in India-American families: Perspectives of second-generation young adults*. Unpublished doctoral dissertation, Alliant International University.
- Aziyah A. Bakar. (2008). *Hubungan pola komunikasi keluarga dengan gaya keibubapaan dan kejelekitan dalam keluarga*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia. Serdang.
- Ballard-Reisch, D. S., & Weigal, D.J. (2006). *Established and promising models for family communication research*. Reno: University of Nevada.
- Berens, E.M. (2000). *A model of intergenerational conflict: Insights from a discourse analysis of young-old conflict interaction*. Unpublished Doctoral Dissertation. Temple University.
- Chaffee, S. H., McLeod, J. M., & Wackman, D. B. (1973). *Family communication pattern and personality characteristic*. Kedapat dari www.questia.com/PM.qst?a=o&d=5001885367. Akses pada 2 Ogos 2014.
- Chao, R. K. (2001). Extending research on the consequences of parenting style for Chinese Americans and European Americans. *Child Development*. 7(6): 1832-1843.
- Chao, R. K. (2000). The parenting of immigrant Chinese and European American mothers: Relations between parenting styles, socialization goals, and parental practices. *Journal of Applied Developmental Psychology*. 21: 233-248.
- Chen, G. M. (2002). The impact of harmony on Chinese conflict management. In G.M.Chen

- & R. Ma (Eds.), *Chinese conflict management and resolution* (pp. 3-17). Westport, CT: Ablex.
- Comstock, J. & Strzyzewski, K. (1990). Interpersonal interaction on television: Family conflict and jealousy on primetime. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 34(3). 263-283.
- Crespi, T.D., & Sabatelli, R.M. (2002). Adolescent runaways and family strife: A conflict-induced differentiation framework. *Journal of Adolescent*, 28. 112-867.
- Dumlao, R., & Botta, R.A. (2000). Family communication patterns and the conflict styles young adults use with their fathers. *Communication Quarterly*, 48. 174-189.
- Gall, M., Gall, J.P., & Borg, W.R. (2003). *Education research: An introduction*. Boston: Longman.
- Huang, L. N. (1994). An integrative approach to clinical assessment and intervention with Asian-American adolescents. *Journal of Clinical Child Psychology*, 23 (1). 21-31.
- Jones, D.J., Beach, S.R.H., & Forehand, R. (2001). Stress generation in intact community families: Depressive symptoms, perceived family relationship stress, and implications for adolescent adjustment. *Journal of Social and personal Relationships*, 18. 443-462.
- Koerner, A.F., & Cvancara, K.E. (2002). The influence of conformity orientation on communication patterns in family conversation. *The Journal of Family Communication*, 2(3). 133-152.
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M.A. (2002). You never leave your family in a fight: The impact of family of origin on conflict-behavior in romantic relationships. *Communication Studies*, 53. 234-252.
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M.A. (1997). Family type and conflict: The impact of conversation orientation and conformity orientation on conflict in the family. *Communication Studies*. Kedapatkan dari http://findarticles.com/p/articles/mi_qa3669/is_199704/ai_n8779234. Akses pada 15 Jun 2014.
- Lin, C.Y., & Fu, V. (1990). A comparison of child-rearing practices among Chinese, immigrant Chinese, and Caucasian-American parents. *Child Development*, 61(1). 429-433.
- Muslim Joned & Zainuddin Hassan. (2006). Hubungan keluarga ke atas prestasi akademik pelajar: kajian kes-keluarga Melayu. Dalam Abd. Rahim, Sufean Hussin dan Che Hashim Hassan. Krisis dan konflik institusi keluarga. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd. Siri Pembangunan Keluarga Utusan.
- Narimah Ismail, Siti Zobidah Omar, Jusang Bolong, Musa Abu Hassan, Saodah Wok, & Aziyah Abu Bakar. (2008). *Amalan komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga tani. Kertas Kerja dibentangkan di seminar Komunikasi Keluarga dan Penggunaan Komputer dalam Keluarga Tani di Malaysia*. Serdang, UPM, 27 November.
- Noller, P., Atkin, S., Feeney, J. dan Peterson, C. (2006). Family conflict and adolescents (pp. 165-181,. In L. Turner and R. West (Eds.) *The Family Communication Sourcebook*. Newbury Park: Sage.
- Oetzel, J.G., Arcos, B., Mabizela, P., Weinman, M., & Zhang, Q. (2006). Global conflict perspectives: China, Colombia, South Africa and the Arab-Muslim world. In J.G. Oetzel & S. Ting-Toomey (Eds.), *The Sage handbook of conflict communication: Integrating theory, research, and practice* (pp. 549-574). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Ries, S.K. (2005). Family communication patterns and conflict management style in dating relationships : An emperical study. Unpublished master's thesis, California State University, Fullerton.
- Siu Man, H.A. (2002). *Interpersonal competence, family functioning, and parent-adolescent conflicts*.

- Unpublished doctoral dissertation, The Chinese University of Hong Kong.
- Ting-Toomey, S., Yee-Jung, K.K., Shapiro, R. B., Garcia, W., Wright, T. J., & Oetzel, J. G. (2000). Ethnic/cultural identity salience and conflict styles in four US ethnic groups. *International Journal of Intercultural Relations*, 24. 47-81.
- Trubisky, P., Ting-Toomey, S., & Lin, S.L. 1991. The influence of individualism-collectivism and self-monitoring on conflict styles. *International Journal of Intercultural Relations*, 15. 65-84.
- Watzlawick, P., Beavin, J. & Jackson, D. 1967. *Family communication and delinquency*, 32. 125. New York: Free Press.
- Wilson, S.R., & Morgan, W.M. 2004. Persuasion and families. In A. Vangelisti (Ed.), *Handbook of family communication* (p:447). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Zhang, Q. 2007. Family communication patterns and conflict style in Chinese parent-child relationships. *Communication Quarterly*, 55. 113-128.
- Zhang, Y.B., Harwood, J., & Hummert, M.L. 2005. Perceptions of conflict management styles in Chinese intergenerational dyads. *Communication Monographs*, 72. 71-91.